

# UNIVERSITI: ANTARA PERANAN TRADISI DENGAN CABARAN BAHARU



Universiti mempunyai peranan besar dalam kemajuan ilmu dan pembinaan tamadun sesebuah negara bangsa. Di universiti itulah berkumpulnya para sarjana dan golongan cerdik pandai di sesebuah negara, membangunkan tradisi kemajuan ilmu dan mendidik generasi baharu (mahasiswa).

**D**alam tempoh tiga atau empat tahun berada di universiti, umumnya seseorang mahasiswa akan mendapat ijazah sarjana muda dalam bidang masing-masing. Mahasiswa universiti adalah sekumpulan kecil daripada seluruh penduduk yang mencapai tahap tertentu dalam tapisan peperiksaan sistem pendidikan bagi melayakkan mereka diterima masuk ke universiti.

Dalam konteks Malaysia, mereka yang berjaya menyambung pelajaran ke peringkat universiti terdiri daripada pelajar yang lulus cemerlang dalam STPM atau sijil matrikulasi, asasi sains atau yang telah mencapai kejayaan cemerlang pada peringkat diploma. Dengan didikan dan dorongan para pensyarah dan profesor di universiti, kumpulan ini mendapat ijazah dalam bidang masing-masing. Bagi yang cemerlang, keputusan ijazah sarjana muda tersebut akan terpilih bagi meneruskan pengajian ke peringkat sarjana dan ijazah doktor falsafah (PhD).

Apakah peranan utama sesebuah universiti dan cabaran baharu yang dihadapi kini? Apakah peranan utama sesebuah universiti secara tradisinya? Adakah cabaran baharu yang dihadapi kini, bertembung dengan peranan tradisi di sesebuah universiti? Ketiga-tiga persoalan ini saling berkaitan dan mempunyai hubungan yang rapat antara satu sama lain.

Apakah peranan utama sesebuah universiti secara tradisinya? Secara tradisinya, peranan utama sesebuah universiti adalah bagi memajukan dan mengembangkan ilmu berdasarkan disiplin dan pengkhususan peringkat tinggi. Mahasiswa merupakan golongan yang terpilih dengan mempunyai syarat serta memenuhi tahap pencapaian tertentu dalam sesuatu bidang atau disiplin tertentu. Mereka juga mempunyai minat mendalam terhadap disiplin ilmu

yang dipilih. Tanpa tahap tertentu serta minat dalam mana-mana disiplin ilmu yang dipilih, adalah sukar bagi seseorang mahasiswa untuk berjaya sehingga ke puncak, iaitu dengan mengenggang segulung ijazah. Mahasiswa dilatih dan dididik oleh para pensyarah atau profesor yang mempunyai tahap ilmu dan pengkhususan yang tinggi dalam disiplin masing-masing. Untuk sampai ke tahap lulus dan mendapat ijazah sarjana muda, seseorang mahasiswa perlu mengikuti pelbagai pendekatan dan tradisi ilmu daripada para pensyarah dan profesor yang mendidiknya. Sebagai contoh, mahasiswa yang mengikuti bidang pengajian Hubungan Antarabangsa terpaksa mengikuti berbagai-bagai kursus dalam disiplin yang diajarkan oleh para pensyarah dan profesor berasaskan pendekatan, kelayakan dan pengalaman yang berbeza. Para pensyarah ini ada yang mendapat PhD dan pengalaman belajar daripada universiti di Amerika Syarikat, United Kingdom, Australia, Belanda, dan lain-lain lagi. Setiap pensyarah yang memperoleh ijazah dari universiti dan negara yang berbeza, mempunyai pengalaman belajar, pendekatan serta tradisi yang agak berbeza. Dengan kepelbagaian latar belakang para pensyarah, seseorang mahasiswa itu mendapati ilmu dalam bidangnya dengan meluas dan falsafah yang pelbagai. Sikap keterbukaan dan pemikiran seseorang mahasiswa itu semakin luas dengan pandangan daripada berbagai-bagai tradisi ilmu dan pengalaman serta kelayakan pensyarah yang pelbagai.

Perkembangan ilmu tidak hanya terhenti dengan ijazah PhD yang dimiliki oleh para pensyarah yang menjadi syarat kelayakan akademik asas bagi menjadi pensyarah universiti. Kelayakan asas untuk bergelar pensyarah universiti sekarang ialah dengan memiliki ijazah PhD berbanding dengan sebelum memadai

dengan memiliki ijazah sarjana. Penyelidikan sentiasa diteruskan oleh para pensyarah tanpa henti. Penyelidikan dan penerbitan merupakan kerja-kerja para pensyarah yang tidak dapat dipisahkan. Penyelidikan dalam pelbagai bentuk telah sehati dengan tugas dan kerjaya seorang pensyarah. Perkara ini adalah mustahil bagi seseorang pensyarah tidak melakukan penyelidikan. Tanpa penyelidikan, ilmunya akan menjadi beku dan tidak berkembang. Tafsiran penyelidikan itu pula luas sifatnya dan berbeza antara satu bidang dengan bidang yang lain. Misalnya, antara bidang sains sosial dengan ilmu kemanusiaan dan bidang sains tulen dengan sains gunaan mempunyai perbezaan yang besar. Hal ini tidak boleh disamakan dalam semua bidang, khususnya antara sains tulen dengan bukan sains tulen. Bahkan dalam bidang sains sosial dan kemanusiaan pun terdapat perbezaan tertentu. Menyamaratakan bidang kajian bagi semua disiplin merupakan pandangan yang tidak berasas.

Walau apa-apa pun kelayakan seseorang pensyarah serta penyelidikan yang dilakukan dalam bidang masing-masing, namun hal yang dilakukan itu adalah untuk meningkatkan mutu kuliah dan pengajaran terhadap mahasiswa. Pengajaran dan kuliah merupakan satu aspek penting bagi seseorang pensyarah. Dengan kemantapan ilmu yang dimiliki oleh seseorang pensyarah itu, mutu kuliah akan meningkat dan benar-benar berkesan. Hasil daripada kuliah yang berkualiti dan berkesan itu melahirkan para mahasiswa yang benar-benar faham dalam bidang ilmu masing-masing. Dengan pemahaman secara falsafah ini, mahasiswa dan graduan itu akan dapat membina dan mengaplikasikan ilmu yang dipelajari di universiti bagi kemajuan diri dan bangsanya. Inilah sumbangan dan peranan besar universiti secara tradisi bagi pembangunan dan tamadun sesebuah bangsa.

Sekiranya pemahaman ilmu secara mendalam tidak berlaku dalam kuliah yang disampaikan, mahasiswa yang dilahirkan

akan gagal mencapai matlamat asas dan tradisi di sesebuah universiti. Cemerlang atau tidak sesebuah universiti itu bukan dilihat dari bangunan fizikal yang besar dan tersergam indah, tetapi aspek yang jauh lebih penting termasuklah nilai kematangan ilmu para pensyarah dan profesornya serta kesan penyampaian kepada para mahasiswa yang dihasilkan oleh universiti tersebut. Penyelidikan yang besar dan penerbitan bertaraf antarabangsa tidak bermakna jika penyelidikan tersebut gagal diterjemahkan melalui peningkatan ilmu para profesor dan menambah kesan positif terhadap kuliah para mahasiswanya. Matlamat akhir ialah aspek pengembangan ilmu dan kesan kepada pembinaan tamadun bangsa.

Pengajaran dan pembelajaran merupakan aspek yang paling penting di sesebuah universiti. Ilmu asas bagi mahasiswa pada peringkat sarjana muda menjadi asas yang penting untuk ke peringkat seterusnya, iaitu sarjana dan ijazah kedoktoran. Mengurangkan jumlah mahasiswa peringkat ijazah pertama dan menganggap peringkat ini tidak penting adalah kurang tepat. Tanpa pemahaman yang benar-benar kukuh, sesuatu disiplin ilmu pada tahap ijazah pertama adalah sukar untuk mendapat pencapaian cemerlang pada peringkat sarjana dan ijazah doktor falsafah.

Apakah cabaran baharu yang dihadapi oleh universiti kini? Mulai awal tahun 2000, khususnya selepas tahun 2003, universiti-universiti di Malaysia dan juga kebanyakan universiti di negara sedang membangun mula dikaitkan dengan penarafan antarabangsa. Apakah kedudukan sesebuah universiti itu pada peringkat antarabangsa? Adakah universiti tersebut termasuk dalam senarai 100 buah universiti terbaik dunia? Maka berbanggallah universiti itu jika termasuk dalam senarai tersebut. Persoalan yang perlu difikirkan termasuklah, apakah kesannya kepada pembinaan mahasiswa dan pembangunan tamadun bangsa dan negara apabila sesebuah universiti kita tergolong dalam 100 buah universiti terbaik dunia? Berapakah nilai ringgit yang terpaksa dibelanjakan dalam usaha dan proses menaikkan penarafan universiti itu? Adakah usaha-usaha ke arah peningkatan penarafan itu tidak menjejaskan peranan

asas dan tradisi universiti kita kepada anak bangsa? Hal ini merupakan antara cabaran baharu universiti kini. Usaha peningkatan penarafan ini mempunyai hubungan dan kesan yang besar terhadap sesebuah universiti dan kakitangannya.

Peranan dan tugas pensyarah dan kakitangan pentadbiran telah berubah. Persoalan seperti pensyarah dan penilaian rakan sebidang pada peringkat antarabangsa, nisbah bilangan antara pensyarah dan mahasiswa, rujukan dan bilangan penerbitan khususnya artikel dalam jurnal berimpak tinggi seperti Scopus, ISI dan WOS, jumlah dana penyelidikan yang bersifat kebangsaan dan antarabangsa, bilangan kakitangan asing, khususnya pensyarah atau profesor asing, bilangan mahasiswa asing dalam universiti tempatan dan kriteria-kriteria lain yang seumpamanya menjadi satu perkara yang semakin penting. Seseorang pensyarah itu tidak lagi hanya perlu memberikan tumpuan kepada penyampaian kuliah serta memperbaiki mutu kuliah supaya benar-benar berkesan apabila disampaikan kepada para mahasiswa yang didiknya. Hal ini merupakan persoalan pokok yang paling asas dan penting dalam membina pemahaman dan peningkatan disiplin ilmu seorang mahasiswa seperti yang dibincangkan di atas.

Persoalan pengajaran dan penyampaian kuliah ini telah menjadi relatif yang kurang penting berbanding dengan jumlah dana penyelidikan yang diperoleh seseorang penyelidik. Jumlah penerbitan dalam jurnal berimpak tinggi seperti Scopus, kenaikan pangkat permohonan profesor, profesor madya dan menyambung kontrak bagi pensyarah kontrak menjadi lebih penting bagi seseorang pensyarah. Dana penyelidikan dan jumlah penerbitan artikel dalam jurnal berimpak tinggi seolah-olah dilihat sebagai kriteria yang lebih utama berbanding dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dianggap semua orang boleh, walaupun pada hakikatnya tidak sebegitu. Peningkatan kuliah perlu ditambah baik dengan pembacaan yang lebih mendalam dan penyelidikan yang lebih meluas. Melalui situasi yang berlaku kini, sesetengah pensyarah menyampakan kuliah sambil lewa dan memberikan perhatian yang lebih kepada penyelidikan

dan tumpuan penerbitan artikel. Hal ini merupakan antara cabaran baharu terhadap universiti yang akan memberikan kesan jangka panjang walaupun tidak dapat dilihat secara jelas dalam jangka pendek.

Adakah cabaran baharu yang dihadapi kini bertembung dengan peranan tradisi di sesebuah universiti? Cabaran baharu yang sedang berlaku, sebenarnya mempunyai pertembungan secara tidak langsung dengan peranan tradisi sesebuah universiti. Perkara ini tidak dapat dilihat dengan jelas dalam jangka pendek secara nyata. Usaha meningkatkan penarafan universiti bukanlah sesuatu yang buruk sepenuhnya. Sebaliknya, harus dilihat dengan keupayaan kita tanpa mengorbankan peranan asas universiti secara tradisi. Mana mungkin kita dapat bersaing dengan universiti terkemuka dunia seperti Universiti Harvard, Universiti Cambridge, Universiti Oxford, Universiti Yale, dan seumpamanya yang mempunyai sejarah latar belakang dan falsafah ilmu yang jauh lebih tinggi.

Peranan dan tradisi asas universiti perlu difikirkan dengan mendalam dan jangan sekali-kali dipandang remeh. Perkembangan baharu dan penarafan antarabangsa tidak boleh dikesampingkan, tetapi mesti dilakukan dengan acuan kita serta memerlukan proses jangka panjang. Kita bukan hanya perlu tersenarai dalam kedudukan 100 buah universiti terbaik dan seumpamanya melalui jangka pendek untuk mengukuhkan kedudukan pada peringkat antarabangsa. Kalaupun tercapainya kedudukan tertentu, kedudukan tersebut tidak akan sentiasa bertahan. Kita akan selalu lelah dalam mengejar penarafan kedudukan itu dengan kerahan tenaga dan kos yang besar. Teras dan asas kepada universiti kita ialah budaya ilmu yang sebenar, bukan dengan angka, selain ditambah dengan roh kesedaran budaya dan kebebasan akademik dengan penghayatan ikhlas untuk jangka panjang. Cabaran baharu ini perlu disesuaikan dengan peranan asas yang menjadi tradisi universiti. □

---

**Profesor Madya Dr. Mohd. Noor Mat Yazid,**  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan UMS  
merangkap Ahli Jawatankuasa Pertubuhan  
Intelektual Negara (PINTAR).